



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 4 TAHUN 1988

**ELAUN WILAYAH BAGI PEGAWAI-PEGAWAI TEMPATAN YANG
BERTUGAS DI SABAH/SARAWAK DAN ELAUN GANGGUAN BAGI
PEGAWAI YANG BERTUKAR WILAYAH**

1. PENDAHULUAN

1.1 Tujuan pekeling ini ialah untuk menjelaskan mengenai pembayaran Elaun Wilayah kepada pegawai-pegawai Sabah dan Sarawak yang bertugas di negeri masing-masing dan juga mengenai pembayaran Elaun Gangguan bagi pegawai-pegawai yang bertukar wilayah.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Elaun-elaun dan kemudahan bagi pegawai-pegawai yang bertukar wilayah dan ditempatkan berkhidmat di Semenanjung, Sabah dan Sarawak telah diseragamkan melalui Pekeling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1987. Tetapi Pekeling Perkhidmatan itu tidak menjelaskan kedudukan Elaun Wilayah bagi pegawai-pegawai Sabah/Sarawak yang berkhidmat di negeri masing-masing dan Elaun Gangguan bagi pegawai-pegawai yang bertukar wilayah.

2.2 Melalui Pekeling Perkhidmatan ini adalah ditetapkan bahawa pembayaran Elaun Wilayah kepada pegawai-pegawai Sabah/Sarawak yang bertugas di negeri masing-masing dan juga Elaun Gangguan kepada pegawai yang bertukar wilayah adalah diteruskan seperti yang pernah diperuntukkan di dalam Pekeling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1980 dan Pekeling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1980.

3. ELAUN WILAYAH

3.1 Elaun Wilayah adalah terus dibayar kepada pegawai-pegawai Sabah dan Sarawak yang bertugas di negeri masing-masing mengikut kadar-kadar seperti berikut:

<i>Lingkungan Gaji</i>	<i>Kadar Berdasarkan % Gaji Yang Diterima</i>
Di bawah \$360	25%
\$360 - \$549	22½%
\$550 - \$959	20%
\$960 - \$1,939	17½%
\$1,940 - \$3,310	15%
\$3,460 dan ke atas	12½%

4. ELAUN GANGGUAN

4.1 Elaun Gangguan adalah dibayar di atas kadar sebulan gaji hakiki pegawai. Kadar yang dilayakinya akan ditentukan apabila pegawai berkenaan ditukarkan balik ke wilayah asalnya. Oleh itu, sebelum pegawai itu bertukar ia bolehlah, sekiranya perlu, dibayar Elaun Gangguan secara pendahuluan, sebanyak separuh daripada gaji yang diterimanya ketika itu. Baki bayaran Elaun Gangguan ini akan dibayar berasaskan kepada gaji terakhir yang diterima oleh pegawai itu sejurus sebelum ia bertukar semula ke wilayah asalnya. Bagi dua orang pegawai suami isteri yang bertukar ke wilayah yang sama, hanya seorang sahaja yang layak menuntut Elaun Gangguan, berasaskan kepada pegawai yang menerima gaji yang lebih tinggi.

5. TARIKH KUATKUASA

5.1 Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai 1 Januari, 1988.

6. AM

6.1 Ketua-ketua Jabatan adalah diminta menghubungi Jabatan ini sekiranya timbul sebarang keraguan dalam melaksanakan pekeliling ini.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI DATO' ALWI JANTAN),
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia

Tarikh: 27 September, 1988.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

s.k.:

Semua Ketua Pengurusan Badan-badan Berkanun.

Semua Ketua Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan.